




Majlis
**ANUGERAH
AKADEMIK**
Universiti 2019

25 September 2020
Jumaat | 2.30 petang
Dewan Auditorium, Canselor





VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
 - Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
 - Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita sekali lagi meraikan pemenang-pemenang Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) bagi tahun 2019. Syabas kepada Jawatankuasa Pelaksana Majlis AAU yang sentiasa memberikan komitmen tinggi bagi menjayakan majlis tahunan universiti ini.

AAU yang bermula sejak tahun 2009 merupakan program kemuncak yang mengiktiraf pencapaian dan sumbangan ahli akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berdasarkan kepakaran masing-masing. Pengiktirafan ini bukannya mudah untuk diperoleh, sebaliknya memerlukan kualiti peribadi unggul serta daya usaha gigih yang terkesan kepada pencapaian UTeM sehingga hari ini.

TUNAI – *Technology @ University Advancing Industry and Society (Inclusivity)* merupakan konsep yang menjadi pegangan oleh semua warga universiti ini. Ahli akademik merupakan kumpulan terpenting yang berperanan sebagai pemimpin ilmu kepada diri dan siswa selain turut menyumbang terhadap pembangunan masyarakat setempat. Bagi menzahirkan hasrat ini, ahli akademik hendaklah senantiasa memperkasakan diri, meningkatkan daya kompetensi diri dan mengamalkan budaya inovasi dan kreatif dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Penglibatan berterusan dalam aspek penyelidikan, penghasilan jurnal, penyertaan pertandingan inovasi, pengkomersialan produk dan lain-lain ternyata dapat menyemarakkan lagi persekitaran pembelajaran di universiti, sekali gus berupaya melahirkan siswa yang holistik, seimbang dan berkompentensi tinggi.

Sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha dan sumbangan tanpa berbelah bahagi ahli akademik, pada tahun ini AAU telah memilih tema STAR. Ahli akademik diibaratkan seperti butiran bintang yang terang bercahaya menerangi kegelapan malam. Metafora ini bermaksud ahli akademik perlulah menguasai pelbagai bidang ilmu dan memanfaatkannya demi kebaikan semua, khususnya dalam membentuk dan membangunkan keperibadian juga kualiti insan yang lebih kompeten dan berpengetahuan luas, yang akhirnya menyumbang kepada keunggulan diri, kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara yang lebih mapan. Sebagai ahli akademik yang cemerlang, keluhuran ilmu hendaklah sentiasa dipelihara sebaik-baiknya dengan etika keilmuan yang sebenar.

Tema STAR juga membawa maksud nilai tambah yang perlu dimiliki oleh setiap ahli akademik. Ianya merangkumi kredibiliti dalam menguasai bidang perundangan dan perkhidmatan (*service*), cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (*teaching & learning*), memperkasakan kualiti diri dengan memegang beberapa jawatan pentadbiran (*administration*), selain mencapai keunggulan dalam membangunkan pelbagai penyelidikan dan inovasi (*research & innovation*). Dengan usaha bersama semua warga universiti, saya yakin UTeM berupaya menghasilkan cendekiawan teknologi (*technology scholar*) yang dapat mengukuhkan ekosistem akademik, industri dan komuniti yang lebih baik.

Diharapkan, menerusi platform AAU, ia menjadi pendorong, penggerak dan motivasi kepada ahli-ahli akademik UTeM dalam menjana kecemerlangan yang berterusan di dalam pelbagai bidang seterusnya mencipta kegemilangan di arena kebangsaan dan antarabangsa. Saya yakin bahawa gabungan dari semua warga akademik UTeM mampu memberi impak yang luar biasa, secara langsung merealisasikan aspirasi universiti tercinta ini.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima AAU bagi tahun 2019. Semoga kejayaan ini akan menjadi asas dan pemangkin untuk memartabatkan lagi budaya kecemerlangan akademik di UTeM dan negara ini.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
Naib Canselor UTeM



Atur Cara

MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2019 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 2.30 petang : **Ketibaan Para Tetamu & Jemputan**
- 2.55 petang : **Ketibaan YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim,
Naib Canselor UTeM**
- 3.00 petang : Lagu Negaraku
Lagu UTeM Terbilang
Bacaan Doa
Ucapan YBhg. Naib Canselor UTeM
Montaj AAU 2019
Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2019
- **Anugerah Pengajaran**
 - **Anugerah Penerbitan Buku**
 - Bidang Sains dan Teknologi
 - Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial
 - **Anugerah Penyelidikan**
 - **Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk**
 - **Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal**
 - **Anugerah Kualiti Makalah Jurnal**
 - **Anugerah Khas Kumpulan**
 - **Anugerah Inovasi e-Pembelajaran**
 - **Anugerah Akademik Harapan**
 - **Anugerah Tokoh Akademik**
- 4.30 petang : **Penyampaian Hadiah untuk Pengerusi Panel Penilai
Peringkat Universiti**
- 4.40 petang : **Jamuan**
- 5.00 petang : **Majlis Bersurai**

Etika Pakaian: *Lounge suit*



Anugerah **AKADEMIK UNIVERSITI**

AAU merupakan pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan ahli akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu aspirasi untuk staf akademik universiti meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



Anugerah **TOKOH AKADEMIK**

Calon yang menerima anugerah ini merupakan seorang pensyarah kanan yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu serta memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia.

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Calon hendaklah telah berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **lima (5)** tahun dalam kerjaya akademik serta telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti.

Calon juga hendaklah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui serta membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Pemberian anugerah adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian yang di Pengerusikan oleh Naib Canselor.

TIADA PENCALONAN



Anugerah **AKADEMIK HARAPAN**

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima anugerah ini ialah seorang ahli akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjana kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Penerima anugerah hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

Calon mesti berumur di bawah **35 tahun pada 1 Januari 2019** dan berkhidmat sebagai ahli akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun secara kumulatif**. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui, menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Kriteria Penilaian:

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
- Perundingan
- Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

CALON-CALONNYA:

- I. **PROF. MADYA DR. ROZAIMI BIN GHAZALI**
- II. **DR. MOHD WIRA HIDAYAT BIN MOHD SAAD**

PROF. MADYA DR. ROZAIMI BIN GHAZALI
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK



Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai seorang Pensyarah pada tahun 2011 di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan seterusnya sebagai pensyarah kanan pada tahun 2013 di universiti yang sama. Beliau telah memulakan karier di UTeM sebagai pensyarah kanan pada tahun 2014. Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kursus yang diajar oleh beliau adalah *Energy Utilization and Conservation* (BEKP 4853), *Industrial Robotics* (BEKM 4863) dan *Engineering Practice 1* (BEKB 1131). Selain daripada itu, beliau juga terlibat secara aktif dalam aktiviti penyeliaan pelajar latihan industri iaitu seramai 43 orang pelajar dan penyeliaan projek ijazah Sarjana Muda seramai 20 orang pelajar.

Dari segi penulisan dan penerbitan, jumlah jurnal dan prosiding yang telah dihasilkan oleh beliau setakat ini adalah sebanyak 37 artikel di mana 19 daripadanya sebagai penulis utama dan yang selainnya sebagai penulis bersama. Beliau turut giat menerbitkan buku, modul dan menggunakan *u-learn* bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam bidang penyelidikan pula, beliau melibatkan diri secara aktif dan merupakan ketua projek bagi tiga projek penyelidikan yang ditaja Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), lima projek penyelidikan yang ditaja industri, dan dua projek penyelidikan lagi yang ditaja UTeM. Keseluruhan geran penyelidikan yang telah diperolehi oleh beliau adalah sebanyak 19 geran sebagai penyelidik utama dan bersama.

Sepanjang perkhidmatan beliau dalam dunia penyelidikan, beliau telah dianugerahkan 13 pingat yang terdiri daripada pingat emas, perak dan gangsa. Beliau berjaya merangkul lima emas di peringkat antarabangsa. Dalam bidang inovasi, beliau telah memfailkan satu produk yang berstatus hak cipta hasil kajian beliau iaitu *A System for Quarter Active Suspension*.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengurus Tenaga oleh *Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008 (EMEER 2008)*. Beliau juga adalah ahli profesional yang diakui oleh GreenTech Malaysia dan diiktiraf melalui *Certified Profesional in Measurement and Verification*.



DR. MOHD WIRA HIDAYAT BIN MOHD SAAD
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER

Beliau dilahirkan di Hospital Besar Batu Pahat, Johor. Merupakan anak bongsu dari empat orang adik-beradik. Dibesarkan di Ayer Hitam, Batu Pahat sehingga Tingkatan satu kemudiannya berpindah ke Kluang, Johor atas urusan keluarga. Bergraduasi dalam kursus Bachelor Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2007 dan menyambung pengajian dalam *Master of Science* di universiti yang sama kemudiannya menghabiskan pengajian dalam bidang *Multimedia System Engineering* di peringkat PhD.

Mula berkhidmat di UTeM sebagai pensyarah kanan pada tahun 2013. Sepanjang perkhidmatan beliau bersama UTeM, beliau telah mengajar lebih daripada 25 kursus yang berbeza daripada pelbagai peringkat, serta telah menyelia lebih daripada 40 projek tahun akhir. Beliau juga telah menerbitkan sebanyak 36 buah makalah jurnal dan prosiding dalam bidang yang diceburi dan telah berjaya menamatkan beberapa buah geran penyelidikan dalaman UTeM dan geran KPT sebagai penyelidik utama dan penyelidik bersama sebanyak RM 283 000 kesemuanya.

Beliau secara aktif sering melibatkan diri dalam penganjuran persidangan antarabangsa dan secara aktif menjadi pewasit dan ahli editor bagi penerbitan makalah dan jurnal antarabangsa. Mengetuai kumpulan digital Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) mewakili fakulti dan UTeM dalam konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Awam 2019 dengan mendapat pingat emas serta Anugerah Kumpulan Inovasi Harapan dalam konvensyen tersebut,

Kini, Dr. Wira sedang menjalani Sangkutan Industri selama enam bulan di Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd. melalui program CeO@Faculty anjuran Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Anugerah **PENGAJARAN**

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun**, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Penilaian calon bagi anugerah ini adalah berdasarkan kepada elemen INOVASI dan KESARJANAAN dalam kriteria berikut:

- Falsafah pengajaran
- Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran
- Persediaan pengajaran
- Kaedah pengajaran
- Kaedah penilaian hasil pembelajaran
- Bimbingan dan penyeliaan

CALON-CALONNYA:

- I. **DR. MASNI AZIAN BINTI AKIAH**
- II. **DR. RAHIFA BINTI RANOM**
- III. **DR. ZAKIAH BINTI ABD HALIM**



DR. MASNI AZIAN BINTI AKIAH
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Pembaharuan yang telah diadaptasi oleh beliau dalam proses pengajaran merangkumi pelbagai kaedah pembelajaran teradun, antaranya dengan penyediaan platform pengajaran maya bagi Kursus Reka Bentuk yang boleh dilayari walaupun di luar batasan bilik kuliah. Penyediaan platform berkenaan yang merangkumi video tutorial dalam navigasi *software* ternyata banyak membantu pelajar untuk mengikuti rentak pengajaran di dalam zon selesa mereka. Selain itu, beliau juga telah membangunkan algoritma untuk Sistem Maklum Balas bagi menggalakkan komunikasi dua-hala yang lebih bermakna di antara pelajar dan pensyarah sepanjang proses pembelajaran. Sistem tersebut telah dibangunkan bagi memastikan keberkesanan proses penilaian pelajar serta menggalakkan pelajar yang mampu membentuk pengajaran sendiri (*self-regulated learners*). Sistem sebegini dianggap signifikan dalam memaknakan sesebuah proses pembelajaran.

Secara umumnya, kaedah penilaian yang telah diterapkan adalah untuk menggalakkan komunikasi berkesan dan bermakna di antara pensyarah dan pelajar. Penilaian bermakna (*meaningful evaluation*) untuk setiap individu agak sukar untuk dibuat terutamanya bagi kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Oleh yang demikian, sebuah 'Sistem Maklum Balas' telah dibangunkan sebagai solusi inovatif bagi menambah baik praktis penilaian sedia ada. Sistem tersebut telah dibangunkan bagi memberi maklum balas spesifik kepada pelajar bergantung kepada prestasi pelajar tersebut untuk sesuatu tugas. Sistem tersebut akan dipaparkan pada laman '*U-learn*' sejurus selepas proses penilaian selesai. Pembangunan sistem sebegini adalah bagi memaknakan sesebuah proses penilaian, lantas membentuk kumpulan pelajar yang dapat memperbaiki prestasi masing-masing mengikut acuan yang dibentuk sendiri (*self-regulated learners*). Hasil pengumpulan data menunjukkan peningkatan prestasi yang agak signifikan (sehingga 33% peningkatan) di segi kebolehan pelajar menangani pelbagai proses penilaian pada tahap kesukaran yang lebih tinggi.

Selain itu, strategi pengajaran yang telah diterapkan adalah untuk memberi inspirasi dengan menjadikan suatu kesilapan sebagai simbol pengajaran yang berharga. Lazimnya, kelas yang dikendalikan oleh beliau merupakan sebuah kelas yang aktif dengan kuiz dan diadakan secara rambang (Pop Quiz). Isi kandungan kuiz merangkumi topik yang pernah diajar, serta topik yang bakal diajar pada hari berkenaan. Tujuan aktiviti ini dijalankan bukan untuk memberi penalti kepada kesilapan. Sebaliknya, ia merupakan suatu kaedah untuk menjadikan kesilapan yang dibuat sewaktu kuiz sebagai modal untuk meningkatkan fokus pelajar sepanjang proses pembelajaran di dalam kelas, di samping menggalakkan pengekalan

(*retention*) pengetahuan bagi memastikan kesinambungan untuk setiap topik pembelajaran. Hasil penilaian daripada kuiz rambang ini akan sentiasa dikemaskini melalui 'Sistem Maklum Balas' yang telah dibangunkan bagi memaknakan sesebuah proses pembelajaran. Peningkatan prestasi pelajar yang telah direkod menjadi bukti kepada keberkesanan kaedah ini. Di samping itu, ia memberi suatu pencapaian bermakna apabila pelajar dapat mengikut rentak pengajaran walaupun pada tahap kesukaran yang semakin kompleks.

Strategi yang ketiga adalah dengan menggalakkan keterlibatan pelajar di dalam proses pembelajaran melangkaui sempadan bilik kuliah. Sewaktu perjalanan Kursus Latihan Reka Bentuk sedang dirangka, masalah yang dihadapi adalah jumlah peserta yang ramai, serta kemudahan komputer yang terhad di samping jadual latihan yang bertindih dengan jadual kelas hakiki. Maka, sebuah platform pengajaran maya telah dibangunkan sebagai inisiatif bagi membolehkan semua pelajar untuk mendapat akses kepada kandungan kursus walaupun mereka tidak dapat menghadiri sesi latihan di dalam makmal. Tutorial video sangat membantu semua peserta kursus mengikuti latihan di dalam makmal di mana sahaja, dan pada bila-bila masa mengikut rentak individu tersebut.



DR. RAHIFA BINTI RANOM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Beliau memperoleh PhD dalam bidang Applied Mathematics dari University of Southampton, UK. Kini, beliau merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar kursus Matematik untuk pelajar kejuruteraan.

Beliau memegang kepada dua falsafah pengajaran dan pembelajaran utama iaitu pengajaran yang relevan dan pembelajaran aktif. Pelajar perlu jelas tentang pentingnya kursus yang dipelajari. Keterlibatan dalam kelas berlaku apabila pelajar seronok menyelesaikan tugas, komited dengan aktiviti pembelajaran dan menyelesaikan masalah bersama-sama seterusnya mewujudkan persekitaran positif. Dengan itu, beliau sentiasa memastikan pelajar melibatkan diri secara aktif supaya dapat membangunkan kemahiran melalui latihan sehingga dapat menyelesaikan masalah aplikasi kejuruteraan. Sistem sokongan disediakan untuk pelajar berinteraksi dengan beliau. Dalam setiap sesi pembelajaran, beliau telah menghubungkan topik dengan masalah kehidupan sebenar dan memastikan pelajar dapat berdikari dalam menyelesaikan masalah. Secara tidak langsung, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat membina potensi pelajar, mengasah kekuatan dalaman dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri. Beliau berpegang kepada konsep “Pembelajaran berlaku ketika anda mengikat seorang pelajar dalam persekitaran di mana mereka tidak dapat melarikan diri tanpa berfikir”. Pembelajaran aktif dan pembelajaran kolaboratif adalah pendekatan utama untuk melibatkan pelajar dengan bahan pengajaran dan menggalakkan penyertaan pelajar yang tinggi di dalam proses pembelajaran. Pelbagai kreativiti pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan di dalam kelas seperti:

- *Game-based challenge, think-pair-share and jigsaw puzzle* - Aktiviti ini dapat menyediakan ruang pelajar berinteraksi sepanjang sesi pembelajaran dengan peluang penyelesaian masalah secara praktikal.
- Penggunaan teknologi pengajaran terkini seperti *Kahoot, Padlet, Quizlet, Mentimeter, Piktochart* – Aktiviti bantuan mengajar ini untuk memberi suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mewujudkan kepelbagaian kaedah mengajar yang menarik dan interaktif.
- Medium interaksi untuk perbincangan di WhatsApp dan Telegram.

Inovasi yang telah dijalankan adalah *Video Assignment* untuk subjek Matematik. Inovasi ini tercetus apabila beliau dapati tugas kaedah biasa tidak lagi relevan dan sesuai untuk pembelajaran masa kini. Seiring dengan teknologi yang pesat berkembang, beliau percaya bahawa cara mengajar dan menilai perlu lebih dinamik dan diintegrasikan dengan teknologi. *Video Assignment* direka sebagai salah satu daripada penilaian kerja kursus yang diberikan kepada pelajar. Ia dapat melatih pelajar menjadi individu yang mencari maklumat untuk mendapatkan pengetahuan baru. Pelajar diberi soalan berorientasikan aplikasi kejuruteraan dan mereka perlu menyelesaikannya dan menerangkan pengiraan kerja melalui video serta penggunaan perisian matematik.

Objektif tugas video adalah;

1. Untuk pelajar menunjukkan kemahiran, menyampaikan pengetahuan secara lisan dalam komunikasi yang jelas, cekap dan teratur.
2. Untuk meningkatkan kebolehan pelajar dalam menyelesaikan masalah.
3. Untuk meningkatkan kecekapan penggunaan perisian matematik pelajar.
4. Untuk meningkatkan kreativiti pelajar.

Apa yang membuatnya berbeza dengan tugas konvensional ialah penilaian keupayaan pelajar untuk membuat penjelasan Matematik melalui komunikasi yang baik dan menggilap potensi mereka menjadi lebih kreatif dalam perkongsian ilmu. Selain itu, aktiviti ini menggalakkan para pelajar untuk meneroka penggunaan perisian Matematik seperti Microsoft Excel, MATLAB dan GeoGebra dan meningkatkan tahap keyakinan mereka. Ia juga menggalakkan penglibatan semua ahli kumpulan dalam pembuatan video secara efektif. Rubrik pemarkahan penilaian dibina berdasarkan objektif tugas ini. Terdapat lima kriteria yang dinilai iaitu penyelesaian masalah, strategi komunikasi, kreativiti, penggunaan perisian Matematik dan etika kerja. Video pelajar boleh ditonton melalui pautan YouTube.

Impak kepada pelajar dapat dilihat melalui maklum balas pelajar serta prestasi akademik mereka. Statistik terkini, pada Semester 1 2019/2020, 56% pelajar di kelas beliau telah mendapat gred A dan A- untuk kursus Matematik Kejuruteraan I manakala pada Semester 2018/2019, 57% pelajar mendapat A bagi kursus Persamaan Pembezaan. Maklum balas positif telah menunjukkan 63% pelajar bersetuju bahawa mereka lebih seronok membuat tugas video berbanding dengan tugas konvensional. Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa tugas video telah meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan pelbagai perisian matematik dan penyelesaian masalah. Mereka bersetuju bahawa ia membantu mereka untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang topik tersebut.

“I TEACH I TOUCH THE FUTURE”



DR. ZAKIAH BINTI ABD HALIM
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Beliau menyertai bidang akademik selepas menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP). Mula menjawat jawatan tutor di UTeM pada 2004 dan kini merupakan pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Mendidik generasi millennial merupakan satu cabaran besar sebagai seorang ahli akademik. Menjadikan sesi pembelajaran suatu aktiviti yang menyeronokkan merupakan cabaran yang lebih besar buat seorang ahli akademik untuk kekal relevan dalam bidang tugasnya. Untuk itu, beliau perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dan juga kehendak pelajar bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Teknologi telah merevolusi dan mengubah kehidupan manusia menjadi lebih mudah. Oleh itu, beliau cuba memastikan teknologi berfungsi dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Mendidik anak-anak harus selari dengan zamannya –Ali bin Abi Talib

Beliau melihat peluang untuk mentakrifkan semula pengalaman pembelajaran generasi millennial dengan menyepadukan teknologi dalam pengajaran. Dengan mengambil pendekatan pembelajaran abad 21 berteraskan kepada konsep 4C, iaitu *Communication, Collaboration, Critical Thinking* dan *Creativity*, beliau percaya pembelajaran tidak hanya terhad di dalam bilik kuliah, namun boleh berlaku di mana-mana. Beliau giat mempromosikan pembelajaran aktif berpusatkan pelajar melalui pembangunan kandungan digital kreatif secara berkumpulan. Beliau menggunakan video-video pengajaran serta menggalakkan pelajar untuk meneroka aplikasi membuat video dalam kajian kes mereka dan juga laporan makmal.

Penghasilan video mampu menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif. Sebagai contoh, dalam kursus BMCG 4843 Pemantauan Struktur Bahan, pelajar diberikan soalan berbentuk penyelesaian masalah bagi aktiviti pemeriksaan struktur. Dalam situasi yang diberi, pelajar menggunakan kemahiran menganalisa, mensintesis dan menilai keutuhan struktur serta mencadangkan kaedah paling sesuai bagi menyelesaikan masalah tersebut dalam bentuk video.

Beliau menggalakkan pelajar-pelajar berkomunikasi untuk menyumbang buah fikiran serta kefahaman mereka terhadap situasi semasa struktur tersebut dan berkolaborasi dengan rakan-rakan bagi menghasilkan video secara berkumpulan. Beliau memastikan pengalaman penghasilan bahan digital membantu pelajar menjadi seorang yang kreatif. Penghasilan video membantu pelajar untuk berfikir,

merancang dan menonjolkan kreativiti mereka. Dalam proses tersebut, pelajar perlu mencari maklumat yang betul, melakukan analisa kritikal dan memperincikan kandungan video mereka secara teliti. Pelajar juga harus boleh menawarkan solusi mereka semasa perbincangan aktif di dalam bilik darjah. Menghasilkan kandungan digital yang menarik memerlukan perancangan reka bentuk dan kreativiti. Video yang dihasilkan oleh pelajar dimuat naik di saluran YouTube mereka sendiri.

Penghasilan video membolehkan konsep 4C dicapai serentak. Pelajar dapat menonjolkan kreativiti melalui rakaman video dan juga karya asli yang dihasilkan secara berkumpulan. Menurut LinkedIn, kemahiran pembuatan video merupakan diantara 10 kemahiran yang diperlukan bagi seorang graduan.

Beliau juga mahu sesi pembelajaran yang cekap, berkesan dengan keterlibatan pelajar. Untuk menjadikan sesi pembelajaran bermakna, beliau memberikan pelajar peluang untuk meneroka semua kemungkinan. Beliau berpendapat, apabila pelajar meneroka semua kemungkinan, mereka akan berjaya menyelesaikan masalah. Apabila mereka menyelesaikan masalah, mereka memperoleh pengalaman. Apabila mereka memperoleh pengalaman, mereka belajar!

Transformasi digital memerlukan usaha yang besar untuk mengubah kaedah pengajaran konvensional. Beliau berpendapat pelajar-pelajar adalah seperti bunga. Pohon-pohon bunga akan berkembang mekar dengan penjagaan rapi. Memahami dan mendekati pelajar membantu beliau menjadi pendidik yang lebih baik. Oleh itu, pelajar perlu diberi peluang terbaik untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka. Tiada siapa yang berkata ia adalah mudah, tetapi beliau ingin membuat perbezaan. Setiap usaha merupakan satu langkah untuk memperkasakan pelajar dan memastikan mereka melepaskan potensi yang tersembunyi.

Pembelajaran adalah proses yang berterusan. Ia adalah satu perjalanan dan beliau ingin menjadi sebahagian daripada proses pembelajaran mereka. Beliau mendapati bahawa penggunaan teknologi menarik pelajar dan membuat pelajaran yang lebih menarik. Beliau percaya dengan pendekatan tersebut, dapat mengubah pelajar menjadi seseorang yang lebih baik. Beliau juga percaya bahawa pengaruh seorang guru yang baik tidak boleh dipadamkan dari kehidupan seseorang dan masa yang dihabiskan untuk mendidik mereka adalah berbaloi.



Anugerah **PENERBITAN BUKU**

Anugerah ini diberikan untuk buku karya asli terbitan ilmiah oleh Penerbit UTeM ATAU anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) pada tahun 2019.

Buku ilmiah iaitu karya asli atau monograf cetakan edisi pertama dan tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual.

Karya ilmiah meliputi buku yang dihasilkan berasaskan penyelidikan dan kajian yang distrukturkan mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan Ilmiah.

Mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, khususnya Subseksyen 11(1) dan mana-mana akta yang berkaitan.

Setiap karya yang dicalonkan mesti mematuhi gaya penerbitan masing-masing secara tekal (Konsisten) mengikut gaya Penerbitan Ilmiah UTeM atau Ahli MAPIM.

Kriteria Penilaian:

- Isi kandungan
- Impak ilmiah
- Gagasan
- Anatomi dan reka bentuk buku

CALON-CALONNYA:

- I. **DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**
- II. **PROF. MADYA IR. TS. DR MOHD SHUKOR BIN SALLEH**



DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

PENGARANG BERSAMA
PROFESOR DR. AHMAD ROZELAN BIN YUNUS
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

TAJUK BUKU:

GENERASI ULUL ALBAB MEWAJAH KOMUNITI 5.0 DAN KARAKTER INOVASI PADA ERA INDUSTRI 4.0 MELAKAR TAMADUN KE MANA MASA DEPAN KITA?

SINOPSIS BUKU:

Buku ini merupakan cetusan suara nurani dan hasrat penulis yang berupa gagasan, idealisme, pemikiran, intelektualisme, sudut pandang, model serta harapan yang menggunung tinggi bagi menyaksikan kelahiran generasi unggul yang disebut dalam Quran sebagai Ulul Albab. Ulul Albab bukan istilah biasa-biasa. Ulul Albab merangkumi semua kehebatan yang berupaya untuk berfikir, berzikir, beramal soleh, bersifat Quranik, ensiklopedik serta ijtihadik. Ia merupakan generasi yang gigih berusaha dan berkemahiran insaniah yang tinggi dalam mewajah Komuniti 5.0 (Society 5.0) pada era Industri 4.0. Dalam buku ini juga mengupas aspek kepimpinan, kepakaran, keilmuan, hikmah, termasuklah karakter inovasi, tokoh-tokoh pemimpin serta ilmuwan Islam tersohor dalam sejarah Islam sehingga layak digelar Ulul Albab. Turut diperincikan teori, model, tools, kerangka bersesuaian dan aplikasi tertentu untuk membentuk generasi Ulul Albab. Buku ini wajar dimanfaatkan oleh seluruh umat untuk dijadikan santapan minda, bacaan, dan rujukan berguna.



PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD SHUKOR BIN SALLEH
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

TAJUK BUKU:
PEMROSESAN ALOI ALUMINIUM SEPARA PEPEJAL

SINOPSIS BUKU:

Buku ini diterbitkan di dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan teknologi dan kejuruteraan amat sesuai dijadikan rujukan baharu kepada pelajar dan jurutera yang sedang mengikuti atau berminat tentang penghasilan aloi aluminium menggunakan teknik pemprosesan logam separa pepejal. Aloi yang terhasil daripada proses ini mempunyai ciri-ciri yang sangat baik dan bebas daripada kecacatan berbanding dengan proses tuangan yang dihasilkan melalui proses konvensional. Data reologi dan peneuklukan serta kriteria pemilihan aloi yang sesuai bagi tujuan pemprosesan logam separa pepejal diperincikan bagi pemahaman yang lebih jelas. Di samping itu, buku ini turut membincangkan beberapa sistem aloi aluminium yang terdapat di dalam pasaran dan peranan yang dimainkan oleh setiap unsur pengaloi. Aloi aluminium yang sesuai yang digunakan untuk pemprosesan logam separa pepejal dan proses untuk mendapatkan struktur aloi yang bebas juga turut dibincangkan di dalam buku ini. Seterusnya, mekanisme pemprosesan logam separa pepejal juga dikupas secara mendalam, bermula dari proses pemanasan dan pemampatan billet ke dalam acuan bagi menghasilkan produk yang hampir siap. Proses rawatan haba khusus untuk aloi aluminium yang dihasilkan melalui proses ini juga turut dibincangkan dengan mendalam bagi membantu pembaca memahami mekanisme yang berlaku semasa rawatan haba dijalankan. Akhir sekali, kelebihan dan kekurangan pemprosesan logam separa pepejal turut dibincangkan diakhir bab di dalam buku ini.

Anugerah **PENYELIDIKAN**

Anugerah ini adalah bagi mengiktiraf staf yang telah menghasilkan penyelidikan ke arah proses penemuan dan penerokaan ilmu. Anugerah ini juga diwujudkan untuk menggalakkan lebih banyak inovasi hasil penyelidikan di kalangan staf akademik UTeM.

Kriteria Penilaian:

- Geran Penyelidikan
- Hasil Penyelidikan
- Penyeliaan Pelajar Pasca Siswazah Mod Penyelidikan
- Pengiktirafan dan Rujukan
- Anugerah

CALON-CALONNYA:

- I. PROFESOR TS. DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN**
- II. PROFESOR DR. GHAZALI BIN OMAR**
- III. PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD YUHAZRI BIN YAAKOB**
- IV. TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM**



PROFESOR TS. DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKA

Geran Antarabangsa	2
Geran Industri	2
Geran Kebangsaan	2
Geran Universiti	4
Hasil Penyelidikan	14
Harta Intelek	3
Penyeliaan Pelajar	12
Pengiktirafan dan Rujukan	3
Anugerah	4



PROFESOR DR. GHAZALI BIN OMAR
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKA

Geran Antarabangsa	2
Geran Industri	2
Geran Kebangsaan	4
Geran Universiti	2
Hasil Penyelidikan	4
Penerbitan	1
Harta Intelek	8
Penyeliaan Pelajar	16
Pengiktirafan dan Rujukan	3
Anugerah	2



PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD YUHAZRI BIN YAAKOB
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

Geran Industri	1
Geran Kebangsaan	2
Geran Universiti	8
Hasil Penyelidikan	7
Penyeliaan Pelajar	5



TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Geran Antarabangsa	2
Geran Industri	3
Geran Kebangsaan	4
Geran Universiti	1
Hasil Penyelidikan	6
Penerbitan	6
Harta Intelek	8
Penyeliaan Pelajar	8
Pengiktirafan dan Rujukan	3
Anugerah	2



Anugerah **INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK**

Anugerah ini merangkumi produk berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan dan mencapai tahap pengkomersialan, memberi impak dari segi penjana ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup, pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara. Produk penyelidikan boleh merupakan reka bentuk, reka cipta, inovasi, teknologi, perisian atau proses.

Kriteria Penilaian:

- Mendapat perlindungan harta intelek (*granted*)
- Produk telah dikomersialkan (berada di pasaran)
- Memberi impak kepada pembangunan modal insan serta mendapat pengiktirafan oleh pengguna melalui publisiti (*liputan media*)
- Penglibatan calon dalam mengkomersilkan produk berkenaan


CALONNYA;

I. DR. NOORLI BINTI KHAMIS



DR. NOORLI BINTI KHAMIS
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Status Perlindungan Harta Intelekt	5
Pingat Inovasi	7
Perlesenan dan Penjualan IP	3
Pembangunan Modal Insan	1
Publisiti	4
Pengkomersialan	5



Anugerah **PENGHASILAN MAKALAH JURNAL**

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan makalah jurnal terutamanya penerbitan yang menyokong dalam bidang tujahan Universiti.

Kriteria Penilaian:

- Mematuhi etika penerbitan
- Pernyataan affiliasi mestilah dengan UTeM dan pernyataan penghargaan penggunaan dana yang diperolehi
- Kertas kerja untuk prosiding dan semasa persidangan tidak diambil kira dalam penerbitan jurnal
- Prosiding yang diiktiraf sebagai jurnal adalah di bawah kategori C (JURNAL BERINDEKS SELAIN DARIPADA ISI DAN SCOPUS)
- Sekiranya terdapat jumlah markah yang sama, jumlah markah jurnal berimpak diambil kira

CALON-CALONNYA:

- I. PROFESOR DR. ZAHRIADHA BIN ZAKARIA**
- II. PROF. MADYA IR. TS. DR. ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH**
- III. DR. HAIROL NIZAM BIN MOHD SHAH**
- IV. DR. SAMER ALI HUSSEIN AL-SHAMI**



PROFESOR DR. ZAHRILADHA BIN ZAKARIA
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / WOK / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis pertama	3
(ii) Penulis Bersama	1
JURNAL BERINDEKS SCOPUS	
(i) Penulis pertama	2
(ii) Penulis Bersama	17
JURNAL TIDAK BERINDEKS	
(ii) Penulis Bersama	1



PROF. MADYA IR. TS. DR. ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / WOK / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis pertama	1
(ii) Penulis Bersama	16
JURNAL BERINDEKS SCOPUS	
(i) Penulis pertama	2
(ii) Penulis Bersama	4
JURNAL TIDAK BERINDEKS	
(ii) Penulis Bersama	3



DR. HAIROL NIZAM BIN MOHD SHAH
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / WOK / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis pertama	1
(ii) Penulis Bersama	3
JURNAL BERINDEKS SCOPUS	
(i) Penulis pertama	3
(ii) Penulis Bersama	4
JURNAL BERINDEKS SELAIN DARIPADA ISI DAN SCOPUS	
(i) Penulis pertama	1
(ii) Penulis Bersama	1



DR. SAMER ALI HUSSEIN AL-SHAMI
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN

JURNAL BERINDEKS ISI / WOS / WOK / SSCI	PENCAPAIAN
(i) Penulis pertama	3
JURNAL BERINDEKS SCOPUS	
(i) Penulis pertama	2
(ii) Penulis Bersama	9



Anugerah **KUALITI MAKALAH JURNAL**

Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada ahli akademik yang menghasilkan kualiti makalah jurnal terbaik bagi tahun yang dinilai.

Kriteria minimum untuk melayakkan penyertaan adalah jurnal yang berimpak tinggi melebihi 0.3 berdasarkan Pangkalan Data Scopus dan *Web of Science* (WOS) kecuali jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh UTeM. Sekiranya jurnal tersebut terdapat dalam kedua-dua pangkalan data, maka, Jurnal yang mempunyai impak yang tertinggi akan diambil kira.

Makalah jurnal yang dipertandingkan perlu ada penghargaan kepada UTeM atau pemberi dana.

Hanya penulis utama (lazimnya penulis pertama) yang makalahnya beralamatkan UTeM layak memohon. Sekiranya penulis utama bukan penulis pertama, pengesahan bertulis daripada semua penulis bersama perlu disertakan.

CALON-CALONNYA:

- I. **DR. FARAH SHAHNAZ BINTI FEROZ**
- II. **PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD SHUKOR BIN SALLEH**
- III. **TS. DR. AL - AMIN BIN MOHAMED SULTAN**
- IV. **TS. DR. MOHAMAD FANI BIN SULAIMA**
- V. **DR. MOHD NAZMIN BIN MASLAN**



DR. FARAH SHAHNAZ BINTI FEROZ
FAKULTI KEJ. ELEKTRONIK & KEJ. KOMPUTER

PENULIS BERSAMA
G. Leicht, J. Rauh, C. Mulert

JOURNAL : BRAIN TOPOGRAPHY, VOLUME 32

TAJUK MAKALAH JURNAL
THE TIME COURSE OF DORSAL AND ROSTRAL-VENTRAL ANTERIOR CINGULATE CORTEX
ACTIVITY IN THE EMOTIONAL STROOP EXPERIMENT REVEALS VALENCE AND AROUSAL
ABERRANT MODULATION IN PATIENTS WITH SCHIZOPHRENIA

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

This paper aims to investigate the temporal dynamics within the dorsal anterior cingulate cortex (dACC) and the rostralventral (rv) ACC during the interaction of emotional valence and arousal with cognitive control in patients with Schizophrenia (SZ). Although cognitive deficits in SZ are highly relevant and emotional disturbances are common, the temporal relationship of brain regions involved in the interaction of emotional and cognitive processing in SZ is yet to be determined. To address this issue, the reaction time (RT), event-related potential (ERP) and temporal dynamics of the dACC and rvACC activity were compared between SZ subjects and healthy controls (HC), using a modified emotional Stroop experiment (with factors namely congruence, arousal and valence). EEG was recorded with 64 channels and source localisation was performed using the sLORETA software package. We observed slower initial increase and lower peaks of time course activity within the dACC and rvACC in the SZ group. In this particular group, the dACC activity during late negativity was negatively correlated with a significantly higher RT in the high arousal conflict condition. In contrast to HC subjects, at the N450 window, there was no significant valence (ERP and rvACC ROI) modulation effect in the SZ subjects. Using high density EEG and source localisation, it was possible to distinguish various disturbances within the dACC and rvACC in patients with SZ, during emotion–cognition processing.



PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD SHUKOR BIN SALLEH
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

PENULIS BERSAMA

Hanizam bin Hashim, M. Z. Omar, A. B. Sulong

JOURNAL : JOURNAL OF ALLOYS AND COMPOUNDS, VOLUME 788

TAJUK MAKALAH JURNAL

EFFECTS OF MECHANICAL STIRRING AND SHORT HEAT TREATMENT ON
THIXOFORMED OF CARBON NANOTUBE ALUMINIUM ALLOY COMPOSITE

SINOPSIS MAKALAH JURNAL

